

29 MAY 1997

Abu Hassan-MB

ABU HASSAN MELEPASI HALANGAN TERAKHIR JADI MB SELANGOR

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Abu Hassan Omar melepasi halangan terakhir untuk menjadi Menteri Besar Selangor keenam apabila memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Permatang malam ini.

Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu yang mengosongkan kerusi Parlimen Kuala Selangor perlu menjadi anggota Dewan Undangan Negeri untuk membolehkan beliau memegang jawatan tersebut.

Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kejutan politik apabila menamakan Abu Hassan sebagai bakal Menteri Besar setelah Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib melepaskan jawatan itu pada 14 April.

Muhammad juga melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan kerana tidak mahu membabitkan parti dalam kes mahkamah yang dihadapinya di Mahkamah Brisbane, Australia.

Beliau menghadapi tuduhan gagal mengisytiharkan wang sejumlah RM2.4 juta sewaktu hendak berlepas ke New Zealand pada 22 Dis tahun lepas.

Pada pilihan raya kecil itu, Abu Hassan menewaskan calon Pas Mohd Maskuri Mardzuki dengan majoriti 7,780 undi.

Abu Hassan memperolehi 9,590 undi manakala Maskuri mendapat 1,810 undi.

Pengumuman Dr Mahathir mengenai pemilihan Abu Hassan sebagai pengganti Muhammad dikatakan memeranjatkan kalangan pemerhati politik yang menjangkakan jawatan itu akan disandang oleh anggota Exco negeri yang paling kanan.

Abu Hassan, 56, dijangka mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Undangan Negeri esok. Bagaimanapun, tarikh mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar masih belum diketahui. -- BERNAMA

TM OBA